

24/09/1997

Merealisasikan gagasan kegemilangan Islam secepat

Ramlan Abd Wahab

ANTARA ahli fikir Islam yang pandangan mereka dirujuk oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap merasmikan Persidangan Pemuda dan Wanita Umno di Perhimpunan Agung Umno lalu ialah Prof Dr Sheikh Yusuf al-Qardhawi. Apa yang dirujuk oleh Anwar dalam ucapannya itu ialah pendapat Dr Yusuf al-Qardhawi mengenai pentingnya menghayati dan mengamalkan prinsip kesederhanaan dan keberansuran berteraskan keutamaan dalam usaha membangunkan masyarakat Islam yang cemerlang. Pandangan atau pendapat ini, dan banyak lagi yang lain, menyerlahkan keberanian dan intelek Dr Yusuf al-Qardhawi menanggapi isu-isu yang berkaitan langsung dengan matlamat membangunkan ummah yang unggul itu.

Keberanian dan kekuatan intelek Dr Yusuf al-Qardhawi ini terpancar jelas apabila beliau menggagaskan konsep penubuhan Darul Islam (Negara Islam) yang bertunjangan 'kesatuan sumber hukum tertinggi' dan dipimpin oleh 'kesatuan kepemimpinan pusat' yang berorientasikan sistem pemerintahan 'khalifah Islamiah'. Walaupun gagasan ini dikritik oleh beberapa ahli fikir Islam yang lain seperti Prof Saiyid Yasin yang menganggapnya sebagai 'suatu mimpi besar dan angan-angan muluk', namun Dr Yusuf al-Qardhawi tetap menegaskan gagasannya itu boleh menjadi landasan kepada penyatuan umat Islam sedunia.

Beliau yakin umat Islam boleh disatukan untuk membina 'kekuatan terunggul' sebagai suatu kuasa yang agung dan mulia kerana 'Tuhan mereka satu; Rasul yang diutus kepada mereka satu; Kitab Suci yang diturunkan kepada mereka satu; kiblat mereka satu; syiar agama mereka satu; syariat dan undang-undang mereka satu; dan mereka memiliki sumber kekayaan yang banyak serta mempunyai pelbagai kelebihan strategik'. Apa yang penting ialah kesediaan dan keikhlasan untuk bersatu di bawah naungan 'akidah Islamiah' serta mengiktiraf kewujudan diri sebagai suatu entiti yang berfungsi dalam sistem yang membina kesatuan itu.

Sesuai dengan pendirian dan pandangannya itu, di suatu seminar mengenai kebangkitan Islam dan keprihatinan dunia Arab yang diadakan di Amman, Jordan, pada 1988, Dr Yusuf al-Qardhawi memperkenalkan dirinya seperti berikut: "Saya berasal daripada keluarga al-Qardhawi dari kampung kecil 'Sift Turab'; dari daerah Barat; dari negara kecil saya Mesir; dari negara besar dunia Arab; dan dari negara yang sangat besar dan agung Darul Islam. Jadi diri saya ini ialah juga Qardhawi, Saftawi, Gharbawi, Mesir, Arabi dan Muslim. Saya juga orang al-Azhar, kerana berkelulusan dari institusi itu; orang universiti kerana mengajar di salah sebuah universiti; orang Afrika kerana negara kelahiran saya termasuk di dalam benua itu; orang Islam kerana akidah dan kepercayaan saya; dan orang antarabangsa kerana tugas sebagai pendakwah dan pendidik generasi."

Dengan cara memperkenalkan diri sedemikian, Dr Yusuf al-Qardhawi seperti ingin memperjelaskan konsep penubuhan Darul Islam tidak sama dengan konsep penubuhan Empayar Islam seperti yang dibimbangi oleh banyak pihak, tetapi lebih kepada mewujudkan suatu kesatuan sistem pemerintahan moden yang sesuai dengan tuntutan ketika tanpa mengabaikan matlamat melindungi dan memimpin umat dengan penuh keadilan berdasarkan ajaran yang hak dan benar mengikut syariat Islam. Untuk menjadi warga Darul Islam, seseorang itu tidak perlu menghapuskan kecintaannya kepada keluarga, kaum, masyarakat, bangsa dan negaranya, tetapi bersatu dalam ikatan semangat persaudaraan; setiap individu bertanggungjawab kepada kebajikan dan keselamatan

saudaranya, memberikan perlindungan dan pembelaan serta menghulurkan apa saja jenis bantuan kepada saudaranya yang memerlukan.

Untuk memperkukuhkan perpaduan dan kesetiaan di kalangan umat, suatu 'kesatuan sumber hukum tertinggi' yang terbina daripada undang-undang yang sah, mantap, dan bersumberkan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad, serta sesuai dengan tuntutan kehidupan moden, perlu digubal dan didaulatkan melalui ijtihad yang luhur dengan hadis dihubungkaitkan dengan fikah, dan seterusnya ketetapan fikah berkesinambungan dengan realiti kehidupan semasa. Demi menjamin keesahan dan kepersisan hasilnya, ijtihad itu perlu dilaksanakan oleh suatu 'Majlis Muftahidin' peringkat antarabangsa dalam suasana yang memungkinkan wujudnya kebebasan berfikir tetapi berlandaskan petunjuk al-Quran dan Sunnah tanpa semangat dan sikap taksab serta menghamba terhadap pendapat mana-mana pihak.

Semua undang-undang atau fatwa yang diluluskan oleh Majlis Muftahidin itu akan menunjangi fungsi suatu kesatuan kepemimpinan pusat yang boleh diwujudkan dalam pelbagai bentuk dengan kuasanya berada di tangan seorang khalifah atau imam yang bertugas sebagai penerus kepada kepemimpinan Nabi Muhammad. Kuasa yang ada di tangan khalifah itu bukan sepenuhnya bersifat autokratik dan muktamad, khususnya yang bersabit dengan pengaturan kehidupan di dunia, tetapi tertakluk kepada kebenaran sejati, sesuai dengan makna kata Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq: "Apabila kamu melihat aku berada di atas jalan yang hak, tolong dan bantulah aku, dan apabila kamu nampak aku berada di jalan yang sesat dan batil, tolong luruskanlah diriku."

Dengan keinsafan sedemikian, di samping berpegang kepada risalah dan akidah Islamiah, akan terpimpinlah kesatuan kepemimpinan pusat di atas landasan yang dibina daripada kesatuan sumber hukum tertinggi dengan Majlis Muftahidin berfungsi sebagai penggubal dan sumber rujukan untuk menyelesaikan masalah yang berkait dengan akidah dan syariat Islam. Apabila semua ini berjaya direalisasikan, Dr Yusuf al-Qardhawi percaya Darul Islam yang unggul dan dinamik akan muncul sebagai wadah keadilan, kemakmuran dan kegemilangan umat dan kerajaan Islam.

Malangnya, gagasan Dr Yusuf al-Qardhawi ini disalahertikan oleh banyak pihak sehingga ada yang menuduh beliau sebagai cuba mewujudkan kerajaan agama yang menafikan hak rakyat yang berbeza ideologi dan kepercayaan, manakala pertubuhan gerakan Islam menjadikannya alasan untuk bertindak secara kasar dan militan, sehingga tersohor sebuah deklarasi bahawa semua kerajaan yang ada di dunia Islam pada hari ini adalah tidak sah mengikut kaedah syariah Islam.

Dengan itu beliau juga dituduh sebagai cuba mencetuskan krisis pemikiran yang boleh membawa kepada persengketaan dan pertentangan yang tidak berkesudahan.

Dalam usahanya menafikan tuduhan itu, keberanian dan kekuatan intelek Dr Yusuf al-Qardhawi terserlah lagi, apabila beliau dengan tegas menyatakan konsep kesatuan ummah yang dicadangkannya adalah berteraskan hakikat al-Islam dan bukan sekadar hakikat agama yang dianggap oleh ulama usul fikah sebagai hanya sebahagian daripada 'darurat al-khams' (hukum darurat yang lima), sedangkan al-Islam merangkumi semuanya, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Oleh itu, kepemimpinan kerajaan Islam tidak semestinya diterajui oleh 'orang agama' saja, apatah lagi kerana dalam Islam tidak wujud prinsip kependetaan ataupun kerahiban seperti yang terdapat dalam agama lain.

Hakikat al-Islam juga merangkumi prinsip yang mendorong kepada kebaikan, keamanan dan keharmonian, seperti al-Wasatiah (sikap pertengahan), at-Tadarruj (beransur-ansur), at-Tasamuh (saling memahami), al-Insaniah (bercirikan nilai murni kemanusiaan) dan sebagainya.

Berdasarkan prinsip ini, cadangan membina kesatuan ummah tentunya tidak

akan terlaksana jika dilakukan secara kekerasan, kekejaman dan keganasan, kecuali melalui usaha pendidikan, penerangan dan perbincangan yang berterusan sehingga wujud kefahaman menyeluruh, iaitu dengan menggunakan kaedah syura yang mengutamakan keadilan, kerjasama, kemufakatan, dan ketakwaan serta disusuli oleh pemeteraian kesetiaan.

Al-Wasatiah, menurut Dr Yusuf al-Qardhawi menampilkan manhaj (jalan) yang berorientasikan keseimbangan di antara dua ekstrim pada konsep 'wahyu dan akal', ilmu dan iman, kebendaan dan kerohanian, hak dan kewajiban, nas dan ijtihad, ilham dan iltizam, individu dan jamaah, dan sebagainya. Dalam konteks ini beliau menyatakan, kaedah pemikiran Islam yang benar mempunyai tujuan yang mantap dan pasti serta mengakui dan menerima perubahan dan penyesuaian cara dalam mencapai tujuan itu; bersikap keras dan tegas dalam perkara prinsip (usul) dan bersikap lembut serta bertolak ansur dalam masalah furuk (cabang); sentiasa memberikan perseimbangan antara ketentuan hukum syarak dengan tuntutan hidup kekinian; menjadikan pengalaman masa silam sebagai pengajaran untuk kebaikan kehidupan manusia di masa kini dan sebagai persiapan menghadapi datangnya masa hadapan yang lebih cerah.

Seperti pesanan Amirul Mukminin Ali Ibn Abu Talib, katanya: "Kalian mesti berpegang teguh dengan sikap pertengahan yang dapat dikejar oleh golongan yang kemudian dan sebagai tempat kembali golongan yang terdahulu."

Implikasinya, setiap umat yang menangani perubahan dan mengejar kemajuan perlu mengutamakan keseimbangan dalam semua aspek dengan menjadikan akidah sebagai landasan; intelek sebagai lampu menerangi jalan; syariat Islam sebagai pedoman; akhlak mulia sebagai identiti diri; ijtihad sebagai mazhab; pemurnian kefahaman agama (tajdid) sebagai minuman; ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai tunggangan; sentiasa sensitif kepada perkembangan dunia; berpegang teguh kepada prinsip utama dan tidak bersikap jumud dan statik.

Dalam hubungan yang sama, As-Syahid Imam Hasan al-Banna pernah berpesan supaya 'Membangun semula kewujudan ummat Islam di arena antarabangsa melalui cara-cara pembebasan tanahair mereka; menghidupkan semula kemuliaan dan keagungannya; mendekatkan peradaban dan wawasan intelektual dan menyatupadukan kekuatan mereka, sehingga dengan cara itu dapatlah mereka membangun semula khalifah Islamiah yang telah hilang dan terwujudlah persatuan dan kesatuan Islam yang diidamkan'.

Dengan pesanan itu, Hasan al-Banna mencadangkan strategi yang perlu dilaksanakan dan diberi keutamaan dalam usaha merealisasikan gagasan kesatuan dan kegemilangan ummah selaras dengan prinsip al-Tadarruj seperti yang dinyatakan oleh Dr Yusuf al-Qardhawi, iaitu setiap negara di dunia Islam perlu terlebih dulu membebaskan dirinya daripada semua bentuk penjajahan dan diikuti dengan usaha mempertingkatkan martabat dan keupayaan, bukan saja dalam bidang politik dan ekonomi, tetapi lebih penting dalam bidang keintelektualan dan teknologi.

Daripada perspektif gagasan kesatuan dan kegemilangan ummah itu, Malaysia kini berada di landasan yang betul. Adalah terlalu naif jika ada pihak yang masih menganggap kerajaan tidak sensitif kepada tuntutan membangunkan ummat Islam (bangsa Melayu).

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Sebenarnya mereka yang mengutamakan keselamatan dan pertahanan Islam dan umat Islam dan dengan itu menyuruh anak mereka mempelajari ilmu tertentu, tidak kurang Islam, bahkan beribadat kerana menolong menunaikan fardu kifayah.

Demikian juga, tidak kurang pegangan agama Islam, parti politik dan kerajaan yang mendesak supaya lebih ramai anak orang Islam mempelajari ilmu yang boleh menyelamatkan dan mengukuhkan masyarakat dan agama Islam.

Beliau secara langsung mengungkapkan strategi yang mendasari gagasan

kesatuan dan kegemilangan ummah, seperti yang dinyatakan oleh Imam Hasan al-Bana dan Dr Yusuf al-Qardhawi itu.
(END)